

19th Julai 2019

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan RSPO Bagi Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat dan ladangnya.

Boustead Plantations Berhad (RSPO Membership No: 1-0012-04-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian utama persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat dan ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 3 ladang yang diuruskan oleh Boustead Plantations Berhad. Kilang Kelapa sawit dan ladang tersebut terletak di Kota Tinggi, Johor.

BSI merancang untuk melakukan Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO) penilaian persijilan utama Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat dan ladangnya 26 – 29 Ogos 2019 dan 30 Ogos 2019 untuk *RSPO Supply Chain Certification Standard (RSPO SCCS)*. Penilaian utama akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan *RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills: June 2017*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat

Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat
Kapasiti Kilang (mt/jam)	40 MT/hr
Lokasi	Kota Tinggi, Johor
Alamat	P.O. Box 513, 81909 Kota Tinggi, Johor
Rujukan GPS (Kilang Kelapa Sawit)	104° 02' 37.5" E 1° 34' 04.5" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2019) (MT)	24,953mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2019) (MT)	5,467mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2019) (MT)	97,300mt

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 80,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat dan ladangnya terdiri daripada: **En Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai Ketua Juruaudit (Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Penilaian kriteria, Aspek undang-undang, HCV, Alam Sekitar, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran); **Ronnie Tan** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja); **Muhamad Naquiddin Mazeli** (Keselamatan, Aspek Undang-undang dan sosial).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alam sekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:

Alamat:

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB (MT)
Telok Sengat	104° 02' 13.80" E 1° 34' 03.60" N	353.70	3149.7	3680.00	8488.8
Chamek	103° 14' 59.95" E 2° 08' 58.8" N	98.80	696.8	816.90	2371.2
Kulai Young	103° 31' 48.50" E 1° 37' 31.50" N	421.60	235.9	670.50	10118.4

Email:

Nombor Telefon:

Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim RSPO

Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

AND / Ahmad Amirul Ariff Bin Mohamad Noh
OR Telok Sengat POM, P.O. Box 513, 81909 Kota
Tinggi, Johor
Email : aaamn.bea@boustead.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim RSPO